

06/03/1997

Ibu Allahyarham stabil

KUALA TERENGGANU, Rabu - Ibu Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad, Mandak Omar, 77, yang dirawat di Wad Unit Rawatan Jantung (CCU) Hospital Kuala Terengganu (HKT), masih dalam keadaan stabil.

Pengarah HKT, Dr Abdul Rashid Che Ali, berkata Mandak kelihatan letih hari ini mungkin kerana sedih dengan kematian anak dan menantunya, Puan Sri Rohana Othman, kelmarin.

Beliau berkata demikian sebagai menafikan khabar angin semalam bahawa ibu Allahyarham meninggal dunia di HKT setelah diberitahu mengenai nahas helikopter yang menimpa Yahaya.

Yahaya, Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom dan isteri serta juruterbang helikopter jenis Agusta A109E, Mejar (B) Azlizan Abdul Manas, mati dalam nahas helikopter di Sungai Atong, Kuala Lipis, kelmarin.

Jenazah Yahaya dan isteri disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Bandar Marang, manakala Azlizan dikebumikan di Batu Pahat, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah antara pemimpin negara yang melawat jenazah.

(END)